Wadah Pembaharuan
BH ONLINE

KKM perlu turun padang pastikan sistem kesihatan siap sedia hadapi COVID-19

Disember 20, 2023 @ 10:17am

Minda Pengarang

Lonjakan semula kes COVID-19 di negara ini mencecah lebih 20,000 kes pada minggu epidemiologi ke-50, iaitu 10 hingga 16 Disember lalu, sepatutnya menjadi 'panggilan kejut' kepada semua pihak daripada pihak berkuasa hingga rakyat biasa. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melalui Dr Maria Van Kerkhove yang menerajui pasukan tindak balas COVID-19 turut meminta semua negara meningkatkan pemantauan, apatah lagi negara jiran kita, Singapura yang merekodkan peningkatan mendadak disebabkan strain dominan baharu, JN.1, iaitu sub-varian Omicron, BA.2.86 atau 'Pirola'.

Justeru, Kementerian Kesihatan (KKM) semalam mengumumkan lima strategi di bawah Pelan Pengurusan COVID-19 bermula pengesanan awal kes COVID-19 dan varian SARS-CoV-2; pemerkasaan komuniti melalui amalan TRIIS, iaitu ujian, lapor, mengasingkan, memaklumkan dan mencari; pemantauan fasiliti kesihatan dan hospital; komunikasi berkesan serta pendigitalan pengurusan pandemik melalui aplikasi MySejahtera. Pada masa ini, kerajaan mengikut Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad tidak bercadang melaksana semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) seperti ketika kemuncak penularan virus itu pada 2020 dan 2021.



Foto hiasan. - Bernama

Kita mahu penekanan dan pelaksanaan kelima-lima strategi diumumkan KKM itu bukan sahaja turun ke bawah dalam konteks kementerian itu semata-mata, bahkan ia turut diberikan perhatian merentas kementerian terutama yang kritikal seperti Kementerian Pendidikan (KPM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) serta berkaitan dengan sektor ekonomi. Ini kerana kedua-dua sektor mewakili hampir keseluruhan aspek kehidupan rakyat itu akan paling terkesan sekiranya terdapat sebarang kelekaan atau kelalaian, sekali gus menjejaskan negara termasuk dari segi kewangan.

Hakikatnya, kita sudah melalui pengalaman perit apabila sistem kesihatan hampir lumpuh hingga ada pesakit 'tersadai' di bahagian kecemasan sebahagian hospital kerana kekurangan katil serta ventilator. Justeru, kita mahu KKM memantau fasiliti penting itu bukan sahaja di hospital utama, malah hospital daerah termasuk memiliki pelan alternatif supaya kita lebih bersedia untuk menghadapi sebarang kemungkinan. Tidak ada alasan lagi untuk senario itu berlaku selepas kita belajar daripada tempoh pandemik yang sangat mencabar, apatah lagi KKM boleh diibaratkan telah menyelam lautan yang dalam.

Sempena cuti persekolahan dan perayaan Krismas, kita meminta semua lapisan masyarakat meningkatkan tahap siap siaga termasuk mengamalkan kembali pemakaian pelitup muka di kawasan awam dan sesak. Dalam hal ini, kita meminta Kementerian Pengangkutan lebih proaktif berbincang dengan KKM untuk mewajibkan pengguna pengangkutan awam memakai pelitup muka kerana masih ramai tidak mengenakan 'pertahanan diri' paling mudah tetapi berkesan itu tanpa menunggu keadaan menjadi lebih serius. Kita juga mencadangkan KPM mewujudkan prosedur operasi standard (SOP) untuk memastikan tiada penularan berlaku apabila sekolah dibuka selepas cuti, sekali gus mengelakkan kejadian tidak diingini apatah lagi peperiksaan utama seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) akan mula berlangsung awal tahun depan.